

# LAPORKAN SALAH LAKU WARGA KERJA MBIP

## TERLIBAT DALAM PERKARA BERIKUT



### RASUAH ATAU SUAPAN

Perbuatan meminta, menerima, memberi atau menawarkan rasuah sama ada dalam bentuk wang,emas, barangan bernilai, ganjaran, hadiah dan sebagainya.

### PENYELEWENGAN ATAU PENYALAHGUNAAN KUASA

Perbuatan menyeleweng atau menyalahgunakan kuasa sebagai pegawai awam untuk meraih keuntungan atau kepentingan peribadi.






### PELANGGARAN PERATURAN PERKHIDMATAN AWAM

Perbuatan melanggar peraturan di bawah Perintah-perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1988

BINGKISAN INTEGRITI BIL 8/2023

# TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA KEBENARAN

PERINTAH-PERINTAH AM PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN JOHOR (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1988 , PERATURAN 21

(1) KETIDAKHADIRAN BERTUGAS TANPA CUTI ATAU TANPA MENDAPAT KEBENARAN TERLEBIH DAHULU ATAU TANPA SEBAB YANG MUNASABAH BOLEH MENYEBABKAN SESEORANG PEGAWAI DIKENAKAN **TINDAKAN TATATERTIB**.

(2) "KETIDAKHADIRAN" TERMASUK TIDAK HADIR SELAMA BERAPA LAMA JUA PUN PADA MASA DAN DI TEMPAT DI MANA PEGAWAI ITU DIKEHENDAKI HADIR BAGI MELAKSANAKAN TUGAS-TUGASNYA SEMASA BERTUGAS.

PASTIKAN ANDA MENDAPAT **KEBENARAN** PENGARAH JABATAN BAGI SEBARANG KETIDAKHADIRAN



UNIT INTEGRITI MBIP 07 555 5157 integriti@mbip.gov.my

BINGKISAN INTEGRITI BIL 7/2023

# ISYTIHAR
# HARTA ANDA

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2021

Perintah 8, Perintah-perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1988

**KEGAGALAN MEMBUAT PENGISYTIHARAN HARTA BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH KESALAHAN "INGKAR PERINTAH".**







## ANDA WAJIB ISYTIHAR HARTA ANDA SEMASA:

1. LANTIKAN PERTAMA
2. MEMPEROLEH HARTA BAHARU
3. PELUPUSAN HARTA
4. DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN SETIAP LIMA (5) TAHUN SEKALI

UNIT INTEGRITI MBIP 07 555 5157/5108 integriti@mbip.gov.my

# HENTIKAN SALAH GUNA KUASA!

## SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

## JIKA SABIT KESALAHAN :

- DIPENJARA SELAMA TEMPOH TIDAK MELEBIHI 20 TAHUN
- DIDENDA TIDAK KURANG DARIPADA 5 KALI GANDA JUMLAH ATAU NILAI SUAPAN, ATAU RM10,000 MENGIKUT MANA-MANA YANG LEBIH TINGGI

UNIT INTEGRITI MBIP 07 555 5157 integriti@mbip.gov.my

BINGKISAN INTEGRITI BIL 9/2023

# Larangan Penggunaan Kenderaan Jabatan Untuk Tujuan Peribadi

PERATURAN 4 (2)(C)(ii) PERINTAH-PERINTAH AM PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN JOHOR (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1988

**"ELAKKAN DARIPADA MENGGUNAKAN KENDERAAN JABATAN UNTUK TUJUAN PERIBADI SEPERTI PERGI KE PASARAYA, MEMBELI-BELAH, MENGHANTAR ANAK KE SEKOLAH DAN LAIN-LAIN. PERBUATAN INI BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI TELAH MENGGUNAKAN KEDUDUKAN AWAMNYA UNTUK FAEDAH PERSENDIRIANNYA"**

**KEGAGALAN MEMATUHI PERATURAN INI BOLEH DIKENAKAN**

## TINDAKAN TATATERTIB



UNIT INTEGRITI MBIP 07 555 5157 integriti@mbip.gov.my

# KATAKAN TIDAK PADA GANGGUAN SEKSUAL

## BENTUK GANGGUAN SEKSUAL

**ISYARAT**
MENGGUNAKAN ISYARAT YANG MEMBAYANGKAN PERLAKUAN SEKS ATAU LAIN-LAIN

**FIZIKAL**
SEGALA BENTUK PERBUATAN FIZIKAL DALAM JARAK TERLALU RAPAT HINGGA MENJURUS KEPADA KETIDAKSELESAAN

**BUKAN LISAN**
PANDANGAN ATAU KERLINGAN YANG MEMBERIKAN BAYANGAN NIAT ATAU KEINGINAN BERBENTUK SEKSUAL

**VISUAL**
MENGHANTAR ATAU MENUNJUKKAN MESEJ BERUNSUR SEKSUAL MENERUSI MEDIA ELETRONIK/TALIAN ATAU SECARA BERDEPAN

**LISAN**
KATA-KATA, KOMEN, GURAUAN, BUNYI, USIKAN DAN SOALAN BERBENTUK ANCAMAN ATAU CADANGAN SEKSUAL



#HENTIKANGANGGUANSEKSUAL

**BERANIKAN DIRI !**

1. KUMPUL BUKTI
2. KEMUKAKAN ADUAN KEPADA UNIT INTEGRITI

Rujukan :

- PERINTAH-PERINTAH AM PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN JOHOR (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1988
- PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA PENGURUSAN PSIKOLOGI VERSI 1.0 (2022) GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA' (CERAIAN P.0.3.1.2)

"WARGA BERINTEGRITI TERAS KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN"

UNIT INTEGRITI MBIP
07 555 5157/5108
integriti@mbip.gov.my

# KELUAR NEGARA TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN




Merujuk Kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2014, Semua Penjawat Awam Hendaklah Mendapatkan Kebenaran Daripada Ketua Jabatan Sebelum Keluar Negara Sama Ada Atas Urusan Rasmi Atau Persendirian



Penjawat Awam Yang Gagal Berbuat Demikian Disifatkan sebagai Ingkar Perintah Dan Boleh Dikenakan Tindakan Tatatertib

Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor ( Kelakuan dan Tatatertib ) 1988 Peraturan 4(2) (i)

"WARGA BERINTEGRITI TERAS KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN"

07-5555157 / 5108 UNIT INTEGRITI MBIP integriti@mbip.gov.my